

Tajuk : Badminton Antarabangsa Maybank Malaysia di Unimas
: Pemain M'sia kuasai saingan

• Badminton Antarabangsa Maybank Malaysia di Unimas

Pemain M'sia kuasai saingan

AKSI hebat dipamerkan pemain negara ketika memulakan kempen hari pertama pusingan kelayakan Kejohanan Badminton Antarabangsa Maybank Malaysia 2012 di Stadium Unimas, Kota Samarahan semalam.

Tiga kategori disenarai utama, acara perseorangan lelaki antara yang mencuri tumpuan awal.

Dengan Wai Kin Chin cemerlang dalam permulaan langkah apabila menang mudah 2-0 (21-11 dan 21-5) ke atas wakil dari Kazakhtan Khaitmurat Kulmatov.

Situasi sama dilalui tiga lagi rakannya, Wong Kin Yik yang turut memastikan tiket ke pusingan seterusnya setelah menumpaskan Yu Woon Jaspar dari Brunei Darussalam dengan kemenangan 2-0 (21-18 dan 21-13).

Diikuti kemenangan 2-0 (21-13 dan 21-10) Ikmal Hussai Jaafa keatas rakan senegara, Zulfaiz Zulkifli. Berbanding kemenangan tipis 2-1 seorang lagi wakil negara, Kang Yi Gwee 2-1 (21-19, 18-21 dan 21-12) keatas Tan Tony dari Indonesia.

Dalam pada itu, kecemerlangan sama ditunjukkan R. Satheishtaran menerusi kemenangan mudah 2-0 (21-14 dan 21-9) keatas rakannya, Zhi Li Gerald Ong.

Sambil Yu Ming Lau juga tidak terkecuali mencatat nama untuk memasti slot ke pusingan kedua setelah menundukkan wakil dari Thailand Chavapat Tochareonbodee 2-0 (21-10 dan 22-20).

Begitupun, dua lagi perseorangan negara iaitu Khai Siang Teoh dan Zi Heng Ooi juga turut berjaya menempah tiket ke pusingan kedua apabila mudah mengatasi lawan masing-masing.


Khai Siang Teoh memastikan kemaraan setelah menumpaskan Cholprasertsuk Kritti dari Thailand dengan kemenangan 2-0 (21-18 dan 20) selain kemenangan 2-0 (21-18 dan 21-14) dicatatkan Zi Heng Ooi keatas wakil Brunei Darussalam, Choon Sian Liaw.

Sementara itu, dalam acara perseorangan wanita pula menyaksikan permulaan baik beberapa wakil negara.

Chiew Sien Lim antara terdahulu mengesahkan kemaraan ke pusingan kedua apabila menang 2-0 (21-12 dan 21-10) keatas rakan seperjuangan, Mei Xing Teoh.

Manakala, Peiy Zhean Lim pula dilihat bernasib baik dengan kemenangan 2-0 (21-14 dan 17-8) sebelum lawan yang juga rakan senegara, Ann Ching Tan menarik diri atas sebab yang tidak dapat dielakkan.

Di samping itu, M. Thinaah meneruskan



KECUNDANG... Aksi Zhan Jun Woo ketika tewas (2-0) di tangan wakil Vietnam, Tuan Duc Do pada pusingan kelayakan pertama di Stadium UNIMAS, Kota Samarahan semalam. • Foto FAIZAL BUJANG

penguasaan negara sesudah itu dengan kemenangan tipis 2-1 (17-21, 21-14 dan 21-13) keatas rakannya, Pui Yee Eng.

Untuk kategori beregu lelaki, gandingan Wee Fook Jong dan Roysten Habirin nyata sukar disaingi hebat lawan mereka dari Vietnam, Tuan Duc Do dan Tuan Quang Bui apabila mencatat kemenangan 2-0 (22-20 dan 21-18).

Selain itu, satu lagi pasangan iaitu Man Hung Woon dan Kang Yi Gwee juga turut memastikan slot ke pusingan kedua. Kedua-dua pemain terbabit dipaksa bekerja keras sebelum mencatat kemenangan tipis 2-1 (24-22, 21-23 dan 21-15) keatas rakan sepasukan, Yu Ming dan Yu Leong Lau.

Gabungan tenaga R. Satheishtaran dan Wai Kin Ching juga mantap sehingga mampu mengenepikan pasangan adik-beradik Zulfaiz Zulkifli dan Zulhelmi Zulkifli.

Bagaimanapun, pasangan Z.Ong dan J. Chong berjaya memastikan kemaraan dengan kemenangan percuma ekoran ketiadaan lawan dari Kazakhtan, Khaitmurat Kulmatov dan Artur Niyazon turun ke gelanggang.

Sejumlah 46 perlawanan dilangsungkan semalam merangkumi pecahan tiga kategori iaitu perseorangan lelaki, perseorangan wanita dan bergu lelaki.

Berbanding 77 perlawanan yang dijadual berlangsung sepanjang hari ini (bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.00 malam) dengan 32 perlawanan untuk acara perseorangan lelaki sambil 45 perlawanan untuk kategori perseorangan wanita, bergu lelaki dan beregu wanita.